



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 17

30hb Ogos 2010

*TAMBAHAN No. 92
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 292.

AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007

**PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT) 2010**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kumpulan Wang Likuiditi Pusat
4. Maksud Kumpulan Wang
5. Jumlah caruman
6. Tanggungan layak
7. Pembayaran caruman
8. Semakan caruman
9. Pengeluaran caruman

Peraturan

10. Pulangan atas caruman
11. Pinjaman
12. Pembayaran daripada Kumpulan Wang
13. Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat
14. Fungsi Jawatankuasa
15. Mesyuarat Jawatankuasa
16. Akaun dan audit

AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(3) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Kumpulan Wang Likuiditi Pusat) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2010.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat yang ditubuhkan di bawah peraturan 13;

“koperasi ditetapkan” ertinya suatu koperasi sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 42(1) Akta;

“koperasi tidak ditetapkan” ertinya suatu koperasi selain suatu koperasi ditetapkan;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Likuiditi Pusat yang ditubuhkan di bawah seksyen 42 Akta;

“tanggungan layak” ertinya apa-apa tanggungan atau keberhutangan oleh suatu koperasi ditetapkan sebagaimana yang diperihalkan dalam peraturan 6.

Kumpulan Wang Likuiditi Pusat

3. Kumpulan Wang Likuiditi Pusat hendaklah terdiri daripada—

- (a) caruman yang dibuat oleh koperasi;
- (b) wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya mengikut seksyen 37 Akta dengan mana-mana wang yang diperoleh daripada caruman yang dibuat oleh koperasi; dan
- (c) wang yang dipinjam atau dijana oleh Suruhanjaya dengan mengeluarkan bon, debentur, stok debentur atau mana-mana sekuriti lain mengikut seksyen 35 Akta.

Maksud Kumpulan Wang

4. Kumpulan Wang hendaklah digunakan—

- (a) untuk memberi sokongan likuiditi melalui pemberian pinjaman mengikut seksyen 36 Akta kepada suatu koperasi yang mengalami kekurangan likuiditi yang luar biasa dan tidak dijangka dalam keadaan yang berikut:
 - (i) keperluan sementara untuk mengurangkan aliran keluar kumpulan wang sementara menunggu pelarasan semula aset dan tanggungan koperasi itu; atau
 - (ii) hal keadaan yang luar biasa di luar kawalan koperasi yang mungkin boleh memberi impak yang tidak menguntungkan terhadap aktiviti dan pengendalian koperasi itu; dan
- (b) untuk membayar apa-apa perbelanjaan yang berkenaan dengan pentadbiran Kumpulan Wang itu.

Jumlah caruman

5. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu koperasi ditetapkan hendaklah mencarum suatu jumlah caruman kepada Kumpulan Wang pada kadar yang ditetapkan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 42(2) Akta.

(2) Jumlah caruman yang dibayar oleh koperasi ditetapkan kepada Kumpulan Wang hendaklah—

- (a) dikira pada kadar yang tidak melebihi tiga peratus daripada tanggungan layak koperasi ditetapkan itu; atau
- (b) dua ratus juta ringgit,

mengikut mana-mana yang rendah.

(3) Suatu koperasi tidak ditetapkan boleh mencarum suatu jumlah caruman kepada Kumpulan Wang yang tidak kurang daripada apa-apa jumlah yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Tanggungan layak

6. (1) Tanggungan layak bagi maksud pengiraan jumlah caruman suatu koperasi ditetapkan hendaklah terdiri daripada—

- (a) modal syernya;
- (b) modal langganannya; dan
- (c) tanggungannya dalam bentuk deposit.

(2) Tanggungan layak itu hendaklah berdasarkan akaun teraudit terakhir koperasi ditetapkan bagi tahun sebaik sebelum tahun yang padanya caruman oleh koperasi ditetapkan itu kena dibayar kepada Kumpulan Wang.

Pembayaran caruman

7. (1) Koperasi ditetapkan hendaklah membayar carumannya kepada Kumpulan Wang dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis pembayaran caruman dikeluarkan kepada koperasi ditetapkan itu oleh Suruhanjaya.

(2) Jika suatu koperasi tidak ditetapkan berhasrat untuk mencarum suatu jumlah caruman kepada Kumpulan Wang itu mengikut subperaturan 5(3), koperasi itu hendaklah membayar jumlah caruman itu dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Pembayaran caruman di bawah subperaturan (1) atau (2) hendaklah dibuat oleh koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan, masing-masing, kepada Suruhanjaya melalui perintah juruwang, arahan bank, draf bank atau apa-apa cara pembayaran yang ditentukan oleh Suruhanjaya, dan kena dibayar kepada Suruhanjaya.

Semakan caruman

8. (1) Suruhanjaya hendaklah menyemak jumlah caruman yang dibayar oleh koperasi ditetapkan pada setiap tahun berdasarkan akaun terakhir koperasi ditetapkan bagi tahun yang padanya caruman kepada Kumpulan Wang itu telah dibuat.

(2) Jika semakan jumlah caruman di bawah subperaturan (1) mendapati bahawa terdapat kekurangan dalam jumlah caruman yang dibayar menurut peraturan 7, koperasi ditetapkan hendaklah membayar kekurangan itu dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis kekurangan itu dikeluarkan kepada koperasi ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika semakan jumlah caruman di bawah subperaturan (1) mendapati bahawa jumlah caruman yang dibayar oleh koperasi ditetapkan telah melebihi jumlah caruman yang dibayar menurut peraturan 7—

- (a) Suruhanjaya hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan koperasi ditetapkan itu mengenai lebihan jumlah caruman itu; dan
- (b) koperasi ditetapkan itu boleh memohon untuk mengeluarkan lebihan jumlah caruman itu menurut perenggan 9.

Pengeluaran caruman

9. (1) Suatu koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan yang telah membayar suatu jumlah caruman kepada Kumpulan Wang, boleh mengeluarkan caruman itu dengan mengemukakan suatu permintaan bertulis yang berkaitan dengannya kepada Suruhanjaya, dan Suruhanjaya hendaklah membenarkan pengeluaran itu—

- (a) jika koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak diberikan pinjaman oleh Suruhanjaya menurut peraturan 11; dan
- (b) selepas setahun caruman itu dibuat kepada Kumpulan Wang.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), koperasi ditetapkan boleh, setelah menerima notis bertulis di bawah perenggan 8(3)(a), memohon kepada Suruhanjaya untuk mengeluarkan lebihan jumlah caruman itu dengan mengemukakan suatu permintaan bertulis yang berkaitan dengannya.

(3) Suruhanjaya hendaklah membenarkan pengeluaran lebihan jumlah caruman di bawah subperaturan (2) hanya selepas setahun caruman itu dibuat kepada Kumpulan Wang oleh koperasi ditetapkan itu.

Pulangan atas caruman

10. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, menentukan kadar pulangan atas caruman.

Pinjaman

11. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan yang mengalami kekurangan likuiditi yang luar biasa atau tidak dijangka dalam keadaan yang dinyatakan dalam subperenggan 4(a)(i) atau (ii) boleh membuat permohonan bertulis kepada Suruhanjaya bagi suatu pinjaman.

(2) Suatu koperasi tidak ditetapkan yang tidak mencarum kepada Kumpulan Wang itu, tetapi memohon untuk suatu pinjaman di bawah subperaturan (1), hendaklah dikenakan suatu fi pemprosesan yang tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(3) Jumlah minimum pinjaman yang boleh diberikan oleh Suruhanjaya menurut subperaturan (1) ialah lima ratus ribu ringgit, dan jumlah itu boleh disemak oleh Suruhanjaya sebagaimana yang Suruhanjaya sifatkan patut.

(4) Suatu koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan yang telah diberikan pinjaman hendaklah membayar balik pinjaman itu dalam tempoh masa satu tahun dari tarikh pemberian pinjaman itu.

(5) Suruhanjaya hendaklah menentukan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman yang diberikan kepada koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan.

(6) Suatu koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan yang memohon bagi suatu pinjaman di bawah subperaturan (1) hendaklah memberi kepada Suruhanjaya apa-apa cagaran seperti yang berikut:

- (a) jumlah caruman yang telah dibuat oleh koperasi ditetapkan atau koperasi tidak ditetapkan kepada Kumpulan Wang;
- (b) jaminan pembayaran daripada Biro Perkhidmatan Angkasa atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;
- (c) simpanan tetap;
- (d) pulangan daripada aset tetap;

- (e) jaminan bank;
- (f) penyerahhakan bayaran yang akan diterima; atau
- (g) mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia atau apa-apa sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Pembayaran daripada Kumpulan Wang

12. (1) Semua pembayaran yang dibuat daripada Kumpulan Wang hendaklah disokong dengan baucar yang diperakui oleh Suruhanjaya.

(2) Ia menjadi tanggungjawab Suruhanjaya untuk memastikan bahawa Kumpulan Wang hendaklah pada setiap masa berbaki kredit dan tiada dalam mana-mana hal keadaan pun terlebih keluar.

Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat

13. (1) Suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Kumpulan Wang Likuiditi Pusat” hendaklah ditubuhkan bagi maksud membantu Suruhanjaya untuk mentadbir Kumpulan Wang.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

- (a) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Sektor Operasi dan Kawal Selia Suruhanjaya;
- (d) Ketua Sektor Pembangunan Suruhanjaya;
- (e) Pengarah Bahagian Pengurusan Dana Suruhanjaya;
- (f) seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi;
- (g) seorang wakil daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; dan
- (h) seorang pegawai Suruhanjaya yang dilantik oleh Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya.

Fungsi Jawatankuasa

14. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

- (a) untuk mencadangkan strategi dan garis panduan berkenaan dengan caruman yang akan dibayar oleh koperasi ditetapkan dan koperasi tidak ditetapkan;

- (b) untuk mencadangkan dan mengesyorkan mekanisma bagi pengurusan dan pentadbiran Kumpulan Wang, terutamanya aset dan tanggungan Kumpulan Wang itu, supaya memastikan Kumpulan Wang itu sentiasa ada dan mencukupi;
- (c) untuk mengawasi penggunaan Kumpulan Wang;
- (d) untuk menimbang dan mencadangkan kelayakan bagi koperasi ditetapkan dan koperasi tidak ditetapkan yang berhasrat untuk memohon pinjaman daripada Kumpulan Wang; dan
- (e) untuk mencadangkan kadar pulangan atas caruman.

Mesyuarat Jawatankuasa

15. (1) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan dalam setahun.

(2) Pengerusi, atau semasa ketiadaannya, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Pengerusi dan tiga orang anggota Jawatankuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

(4) Tiap-tiap anggota Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat berhak kepada satu undi.

(5) Semua keputusan dalam mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat melalui undi majoriti mudah semua anggota Jawatankuasa yang hadir dan mengundi, dan jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Akaun dan audit

16. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggara akaun dan rekod-rekod lain yang berpatutan berkenaan dengan pengendalian Kumpulan Wang dan hendaklah menyediakan suatu penyata akaun bagi setiap tahun kewangan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), tahun kewangan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

(3) Akaun Kumpulan Wang hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh Ketua Audit Negara.

(4) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas berakhirnya tahun kewangannya, menghantar kepada Menteri suatu salinan penyata akaunnya yang diperakui oleh Ketua Audit Negara, suatu salinan mana-mana laporan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dan suatu laporan tahunan mengenai penjalanan Suruhanjaya sepanjang tahun kewangan itu.

(5) Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, membentangkan suatu salinan penyata akaun yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara, suatu salinan laporan Ketua Audit Negara dan laporan tahunan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dibuat 24 Ogos 2010

[SKM.IP(AM):7875; PN(PU²)673/II]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Diluluskan oleh

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

**MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION
ACT 2007**

**MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION (CENTRAL
LIQUIDITY FUND) REGULATIONS 2010**

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Central Liquidity Fund
4. Purposes of Fund
5. Amount of contribution
6. Eligible liability
7. Payment of contribution
8. Review of contribution
9. Withdrawal of contribution
10. Return on contribution
11. Loan
12. Payment from Fund
13. Central Liquidity Fund Committee
14. Functions of Committee
15. Meetings of Committee
16. Accounts and audit

MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION ACT 2007

MALAYSIA CO-OPERATIVE SOCIETIES COMMISSION (CENTRAL LIQUIDITY FUND) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 42(3) of the Malaysia Co-operative Societies Commission Act 2007 [Act 665], the Commission, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Co-operative Societies Commission (Central Liquidity Fund) Regulations 2010**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2010.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Committee” means the Central Liquidity Fund Committee established under regulation 13;

“prescribed co-operative society” means a co-operative society as referred to in subsection 42(1) of the Act;

“non-prescribed co-operative society” means a co-operative society other than a prescribed co-operative society;

“Fund” means the Central Liquidity Fund established under section 42 of the Act;

“eligible liability” means any liability or indebtedness of a prescribed co-operative society as described in regulation 6.

Central Liquidity Fund

3. The Central Liquidity Fund shall consist of—

- (a) contributions made by co-operative societies;
- (b) moneys derived as income from investments made by the Commission in accordance with section 37 of the Act of any money derived from contributions made by the co-operative societies; and
- (c) moneys borrowed or raised by the Commission by issuing bonds, debentures, debenture stocks or such other securities in accordance with section 35 of the Act.

Purposes of Fund

4. The Fund shall be utilized—

- (a) to provide liquidity support by way of granting loans in accordance with section 36 of the Act to a co-operative society which is experiencing unusual or unexpected liquidity shortfalls in the following situation:
 - (i) temporary requirement to lessen the outflow of funds pending re-adjustment of the assets and liabilities of the co-operative society; or
 - (ii) unusual circumstances beyond the control of the co-operative society which may give unfavourable impact on the activity and operation of the co-operative society; and
- (b) to pay any expenditure in respect of the administration of the Fund.

Amount of contribution

5. (1) Subject to subregulation (2), a prescribed co-operative society shall contribute an amount of contribution to the Fund at a rate as prescribed in an order made under subsection 42(2) of the Act.

(2) The amount of contribution paid by the prescribed co-operative society to the Fund shall be—

- (a) calculated at a rate of not more than three per centum of the prescribed co-operative society's eligible liability; or
- (b) two hundred million ringgit,

whichever is the lower.

(3) A non-prescribed co-operative society may contribute an amount of contribution to the Fund of not less than such amount as determined by the Commission.

Eligible liability

6. (1) The eligible liability for the purposes of computation of the amount of contribution of a prescribed co-operative society shall comprise of—

- (a) its share capital;
- (b) its subscription capital; and
- (c) its liability in the form of a deposit.

(2) The eligible liability shall be based on the last audited accounts of the prescribed co-operative society for the year immediately preceding the year in which the contribution by the prescribed co-operative society is payable to the Fund.

Payment of contribution

7. (1) The prescribed co-operative society shall pay its contribution to the Fund within a period of two months from the date of issue of a notice of payment of contribution to the prescribed co-operative society by the Commission.

(2) Where a non-prescribed co-operative society intends to contribute an amount of contribution to the Fund in accordance with subregulation 5(3), it shall pay such amount of contribution within such period as specified by the Commission.

(3) The payment of the contribution under subregulation (1) or (2) shall be made by the prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society, respectively, to the Commission by cashier's order, banker's order, bank draft or any other mode of payment as determined by the Commission, and made payable to the Commission.

Review of contribution

8. (1) The Commission shall review the amount of contribution paid by the prescribed co-operative society annually based on the audited accounts of the prescribed co-operative society for the year in which the contribution to the Fund was made.

(2) If the review of the amount of contribution under subregulation (1) reveals that there is a shortfall in the amount of contribution paid in pursuance of regulation 7, the prescribed co-operative society shall pay the shortfall within a period of two months from the date of issue of a notice of the shortfall to the prescribed co-operative society by the Commission.

(3) If the review of the amount of contribution under subregulation (1) reveals that the amount of contribution paid by the prescribed co-operative society has exceeded the amount of contribution paid in pursuance of regulation 7—

- (a) the Commission shall, by written notice, inform the prescribed co-operative society regarding the excess amount of contribution; and
- (b) the prescribed co-operative society may apply for a withdrawal of the excess amount of contribution in accordance with regulation 9.

Withdrawal of contribution

9. (1) A prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society which has paid an amount of contribution to the Fund, may withdraw the contribution by submitting a written request in respect thereof to the Commission, and the Commission shall allow such withdrawal—

- (a) if the prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society, as the case may be, has not been granted a loan by the Commission in pursuance of regulation 11; and
- (b) after one year of the contribution being made to the Fund.

(2) Subject to subregulation (3), the prescribed co-operative society may, upon receipt of the written notice under paragraph 8(3)(a), apply to the Commission to withdraw the excess amount of contribution by submitting a written request in respect thereof.

(3) The Commission shall allow the withdrawal of the excess amount of contribution under subregulation (2) only after one year of the contribution being made to the Fund by the prescribed co-operative society.

Return on contribution

10. The Commission may, from time to time, determine the rate of return on the contribution.

Loan

11. (1) Subject to subregulation (2), a prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society experiencing unusual or unexpected liquidity shortfalls in a situation as set out in subparagraph 4(a)(i) or (ii) may make a written application to the Commission for a loan.

(2) A non-prescribed co-operative society which does not contribute to the Fund, but applies for a loan under subregulation (1), shall be charged a processing fee of not less than two hundred and fifty ringgit and not more than five hundred ringgit.

(3) The minimum amount of loan that may be granted by the Commission in pursuance of subregulation (1) is five hundred thousand ringgit, and the amount may be reviewed by the Commission as it deems fit.

(4) A prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society which has been granted a loan shall repay the loan within one year from the date of grant of the loan.

(5) The Commission shall determine the rate of service charge to be charged on the loan granted to the prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society.

(6) A prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society which applies for a loan under subregulation (1) shall provide to the Commission any of the following security:

- (a) the amount of contribution made by the prescribed co-operative society or non-prescribed co-operative society to the Fund;
- (b) guarantees of payment from Biro Perkhidmatan Angkasa or any other body recognized by the Commission;
- (c) fixed deposits;
- (d) returns from fixed assets;

- (e) bank guarantees;
- (f) assignment of receivables; or
- (g) any securities issued by the Government of Malaysia, Central Bank of Malaysia or any other securities approved by the Commission.

Payment from Fund

12. (1) All payments made from the Fund shall be supported by vouchers certified by the Commission.

(2) It shall be the duty of the Commission to ensure that the Fund shall at all times be kept in a credit balance and under no circumstances shall it be overdrawn.

Central Liquidity Fund Committee

13. (1) A committee known as the “Central Liquidity Fund Committee” shall be established for the purpose of assisting the Commission in administering the Fund.

(2) The Committee shall consist of the following persons:

- (a) the Executive Chairman of the Commission as Chairman;
- (b) the Deputy Executive Chairman of the Commission as Deputy Chairman;
- (c) the Head of the Operation and Regulatory Sector of the Commission;
- (d) the Head of the Development Sector of the Commission;
- (e) the Director of the Fund Management Division of the Commission;
- (f) a representative of the Ministry charged with the responsibility for co-operative development;
- (g) a representative from Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; and
- (h) an officer of the Commission appointed by the Executive Chairman of the Commission.

Functions of Committee

14. The Committee shall have the following functions:

- (a) to propose strategies and guidelines in respect of contributions to be paid by a prescribed co-operative society and non-prescribed co-operative society;

- (b) to propose and recommend the mechanism for the management and administration of the Fund, in particular the assets and liabilities of the Fund, so as to ensure the availability and sufficiency of the Fund;
- (c) to monitor the utilization of the Fund;
- (d) to consider and recommend the eligibility of a prescribed co-operative society and non-prescribed co-operative society which intends to apply for loans from the Fund; and
- (e) to recommend the rate of return on the contribution.

Meetings of Committee

15. (1) The Chairman shall summon meetings of the Committee at least once in every three months in a year.

(2) The Chairman, or in his absence, the Deputy Chairman shall preside over the meeting of the Committee.

(3) The Chairman and three other members of the Committee shall form a quorum for a meeting of the Committee.

(4) Every member of the Committee who is present in a meeting shall have a right to one vote.

(5) All decisions at a meeting of the Committee shall be made by a simple majority of votes of all members of the Committee present and voting, and if there is an equality of votes, the Chairman shall have a casting vote in addition to his deliberative vote.

Accounts and audit

16. (1) The Commission shall maintain proper accounts and other records in respect of the operation of the Fund and shall prepare a statement of accounts for every financial year.

(2) For the purposes of subregulation (1), the financial year shall begin on 1 January and end on 31 December of each year.

(3) The accounts of the Fund shall be audited annually by the Auditor General.

(4) The Commission shall, as soon as possible after the close of its financial year, send to the Minister a copy of its statement of accounts certified by the Auditor General, a copy of any report made by the Auditor General and an annual report on the working of the Commission during the financial year.

(5) The Minister shall, as soon as may be, table a copy of the statement of accounts certified by the Auditor General, a copy of the Auditors General's report and the annual report before the Dewan Rakyat and Dewan Negara.

Dated 24 August 2010

[SKM.IP(AM): 7875; PN(PU²)673/II]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Executive Chairman
Malaysia Co-operative Societies Commission

Approved by

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
Minister of Domestic Trade, Cooperatives
and Consumerism

P.U. (A) 293.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PROMOSI PUSAT
 KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA) 2009

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 416 yang disiarkan pada 25 November 2009—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan 2(2)(c), gantikan perkataan “7(b)” dengan perkataan “7(a)”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam perenggan 2(2)(c), gantikan perkataan “7(b)” dengan perkataan “7(a)”.

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PROMOTION OF MALAYSIA INTERNATIONAL
 ISLAMIC FINANCIAL CENTRE) RULES 2009

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 416 published on 25 November 2009—

- (a) in the national language text, in paragraph 2(2)(c), substitute for the words “7(b)” the words “7(a)”; and
- (b) in the English language text, in paragraph 2(2)(c), substitute for the words “7(b)” the words “7(a)”.

[Per.CR(8.09) 294/6/4-9(SJ. 9)(2010); LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.11;
 PN(PU²)80/LX]